


# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 26 OKTOBER 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 3

## Kerajaan kenal pasti beberapa halangan utama

# Pembangunan Pangkalan Data Utama Kerajaan kenal pasti beberapa halangan utama



### Perkongsiian, pengintegrasian data yang telus, konsisten jadi penentu

Oleh Mohd Nasaruddin Parzi  
bhnews@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Kerajaan mengenal pasti beberapa halangan utama yang boleh mengekang kejayaan pelaksanaan Pembangunan Pangkalan Data Utama (PADU) yang dijadual mula dilancar awal tahun depan.

Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli, berkata ini termasuk kekangan dalam perkongsiian data, sistem dan pangkalan data sedia ada di Kementerian dan agensi yang berada dalam keadaan bersendirian (in silo), keselamatan sistem dan perlindungan data peribadi.

Katanya, penentu kepada ke-

jayaan pembangunan sistem PADU kelak adalah perkongsiian dan pengintegrasian data pentadbiran kerajaan yang telus dan konsisten daripada semua agensi pembekal data yang berkaitan.

"Dianggarkan sejumlah 454 institusi sektor awam yang meliputi Kementerian dan jabatan serta agensi kerajaan pelbagai peringkat, termasuk kerajaan negeri dan badan berkanun yang mempunyai pangkalan data masing-masing.

"Kebanyakan agensi ini mempunyai akta dan dasar yang mengawal penggunaan dan perkongsiian data mikro di antara agensi kerajaan," katanya dalam jawapan lisan menjawab soalan Suhaizan Kaiat (PH-Pulau) yang dibacakan Timbalan Menteri Pembangunan Kerajaan Tempatan, Akmal Nasrullah Mohd Nasir di Dewan Rakyat, semalam.

Selain itu, beliau berkata, sebahagian pangkalan data berkenaan *in silo* dan *non-interoparable* antara satu sama lain, disebabkan kebanyakan pangkalan data bagi agensi kerajaan

dibangunkan secara berasingan mengikut keperluan dalaman agensi berkaitan.

"Keadaan ini juga menjadi cabaran dari segi pengintegrasian data berikutan perbezaan sistem dan menyebabkan proses penyeselarasan data PADU menjadi lebih rumit dan mengambil masa yang panjang.

"Risiko keselamatan dan kebocoran maklumat terperinci juga harus dititikberatkan oleh semua pihak. Bagi memastikan pengendalian data yang selamat, aspek keselamatan data dan siber yang terangkum perlu diberi perhatian," katanya.

#### Wujudkan SOP komprehensif

Beliau berkata, selain mewujudkan prosedur operasi standard (SOP) yang komprehensif untuk PADU, tumpuan juga perlu diberikan untuk meningkatkan tahap keselamatan sistem ini.

"Terdapat juga cabaran kepada kerajaan dalam menyampaikan dan menyebarkan maklumat mengenai kepentingan dan keperluan PADU kepada rak-

yat. Kefahaman dan sokongan rakyat amat diperlukan untuk menyemak dan mengemas' kini data yang terdapat dalam PADU sebaik dilancarkan pada Januari 2024.

"Pengemaskinian ini membolehkan kerajaan mempunyai maklumat terkini dan mengambil langkah segera bagi memastikan rakyat Malaysia dapat menerima bantuan selayaknya," katanya.

Selain itu, katanya, data berasaskan *near real time* yang terdapat dalam PADU akan dapat memastikan set data kumpulan sasar yang terkini dan sentiasa dikemas kini, sekali gus mengurangkan *inclusion and exclusion error*.

"Semua halangan ini perlu diatasi segera bagi memastikan kejayaan pelaksanaan PADU. Perkongsiian data yang sistematik dan tersusun menerusi PADU akan berupaya menyatukan kesemua data di bawah satu pangkalan data utama," katanya.

Setakat ini kata beliau, kemajuan pembangunan secara keseluruhan PADU adalah 72 peratus